

## 2,000 peniaga disaran patuh terma

Kira-kira 2,000 peniaga di 37 lokasi bazar Ramadan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dinasihati mematuhi peraturan sepanjang menjalankan perniagaan.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, walaupun kurang dua minggu Ramadan berakhir, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang melakukan kesalahan.

Katanya, perkara utama diberi perhatian adalah dari segi kebersihan iaitu bukan saja bahan makanan dan

minuman malah persekitaran gerai.

“Oleh itu, MPK masih menempatkan kakitangan di semua lokasi bazar Ramadan untuk memudahkan urusan termasuk pengunjung yang ingin membuat aduan berkaitan peniaga.

“Dengan kehadiran kakitangan MPK itu diharap dapat memantau peniaga supaya lebih prihatin dalam soal kebersihan.

“Pengunjung yang tidak berpuas hati dengan peniaga boleh memberikan maklum balas bagi memudahkan MPK mengambil tindakan sewajarnya,” katanya di sini semalam.